

**BEBERAPA PENELITIAN TERHADAP KONSEP  
AZAB KUBUR MENURUT TUAN MINAL  
MELALUI KARYANYA *KASHF AL-GHAYBIYYAH***

A STUDY OF SOME ASPECTS ON THE TORMENT IN THE  
GRAVE ACCORDING TO TUAN MINAL IN HIS WORK  
*KASHF AL-GHAYBIYYAH*

***Mohd Nasir Utut & Faizuri Abd Latif\****

Department of Aqidah & Islamic Thought. Academy of  
Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala  
Lumpur. Malaysia.

Email: \*fa72@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no1.2>

**Abstract**

The torment in the grave is one of the questions of faith comprised in the debate on *al-ghaybiyyāt* and *al-samī'yyāt* (the knowledge of the unseen) which is something that is not known except through the Qur'anic verses and *Hadīth*. Although there are many proofs from the Qur'an and *Hadīth* validate the truth of the torment in the grave, there are those who still dispute its existence. Among them are the Mu'tazilites who claim that they witnessed the situation of a corpse that has died without any effect of being tortured. In addition, the atheists and *zindiqs* also denied the matter with the argument that they had dug a grave but did not find any evidence of archangel beating or torturing corpses. Therefore, a qualitative study using documentation method is carried out to unravel all the bewilderment through the authoritative works of Malay scholars. For this purpose, the book of *Kashf al-Ghaybiyyah* which is a Malay scholarly work will be the focus of research. This work is chosen because it discusses many issues of *al-samī'yyāt* including the torment in the grave and its arguments. This study found that the strength within *Kashf al-Ghaybiyyah*'s arguments, which

expounded many texts of the Qur'an and *Hadīth* are capable to prove the validity of the torment in the grave.

**Keywords:** Torment in the grave; *al-Sam'iyyāt*; Malay scholar; Tuan Minal; *Kashf al-Ghaybiyyah*.

### **Khulasah**

Azab kubur merupakan antara persoalan akidah yang terkandung dalam perbahasan *al-ghaybiyyāt* dan *al-sam'iyyāt* iaitu sesuatu yang tidak diketahui melainkan melalui perkhabaran nas al-Quran dan Hadith. Meskipun terdapat banyak dalil al-Quran dan Hadith yang mengabsahkan kebenaran azab kubur, namun masih terdapat golongan yang mempertikaikan kewujudannya. Antaranya aliran Muktazilah yang mendakwa bahawa mereka menyaksikan sendiri situasi mayat yang telah meninggal dunia yang tidak terdapat kesan yang menunjukkan mayat tersebut diazab. Di samping itu, golongan ateis dan zindiq turut mengingkari perkara tersebut dengan hujah bahawa mereka pernah membongkar kuburan, namun tidak menemui bukti malaikat yang memukul atau menyeksa mayat. Oleh itu, kajian yang berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah dokumentasi ini akan merungkai segala kekeliruan tersebut dengan merujuk kepada karya ulama Melayu yang berautoriti. Bagi tujuan ini kitab *Kashf al-Ghaybiyyah* yang merupakan salah sebuah karya ulama Melayu muktabar akan dijadikan fokus penelitian. Pemilihan karya ini kerana di dalamnya banyak membincangkan persoalan *al-sam'iyyāt* termasuk azab kubur serta hujahannya. Kajian mendapati kekuatan hujah *Kashf al-Ghaybiyyah* yang banyak mengemukakan nas al-Quran dan Hadith berupaya membuktikan keabsahan azab kubur.

**Kata kunci:** Azab kubur; *al-Sam'iyyāt*; ulama Melayu; Tuan Minal; *Kashf al-Ghaybiyyah*.

## Pendahuluan

Perbahasan mengenai azab kubur merupakan antara topik penting dalam akidah kerana ia sebahagian perkara *al-sam‘iyāt* yang wajib diimani oleh setiap Muslim. Perkara *al-Sam‘iyāt* tidak diketahui melainkan melalui perkhabaran daripada Allah SWT dan Rasulullah s.a.w. Ia merangkumi perbincangan meluas tentang kejadian alam, hakikat roh, kematian dan peristiwa berkaitannya seperti azab kubur, kebangkitan semula, titian sirat, syurga, neraka dan lain-lain.

Mazhab salaf dan para imamnya berpendapat bahawa apabila seseorang telah meninggal dunia, maka rohnya akan 'kekal hidup' setelah bercerai daripada jasad. Roh tersebut masih berhubung dengan jasad pada masa tertentu dan bersama-sama merasai nikmat dan azab yang diterima oleh jasad.<sup>2</sup> Namun, hakikat roh menjadi urusan Allah SWT, dan Dia sahaja yang lebih mengetahui berkaitan hakikatnya.<sup>3</sup> Meskipun terdapat banyak dalil yang membuktikan kebenaran azab kubur, namun terdapat beberapa golongan yang mempertikaikan keabsahan dalil yang dikemukakan, walaupun persoalan tersebut telah disepakati oleh para Sahabat dan Tabi‘in.<sup>4</sup>

Antara golongan yang dimaksudkan adalah aliran Muktazilah yang mengingkari kewujudan azab kubur.<sup>5</sup> Menurut al-Ghazālī, keingkaran itu berlaku kerana mereka telah menyaksikan sendiri situasi mayat secara fizikal. Melalui observasi yang dilakukan didapati tidak terdapat

<sup>1</sup> Sayyid Sābiq, *al-‘Aqā’id Islāmiyyah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 237.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Rātib ‘Abd al-Wahhāb al-Sammān, *Wa Yas‘alūnaka ‘an al-Rūḥ Madkhal Ilā Naẓariyyah al-Rūhiyyah* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 58.

<sup>4</sup> Nu‘man Abas al-Asy’ari, *Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan* (Jakarta: Penerbit Erlangga, 2002), 112.

<sup>5</sup> Nu‘mān Ibn Maḥmūd al-Alūsī, *al-Āyāt al-Bayyināt fī ‘Ādam Simā‘ al-Amwāt ‘ind al-Hanāfiyyah al-Sadat* (Beirut: Maktabah al-Islām, 1402H), 89.

sebarang kesan yang menunjukkan mayat tersebut telah dikenakan azab.<sup>6</sup> Selain itu, golongan ateis dan zindiq turut mengingkari seksa kubur, kelapangan dan kesempitannya, keadaannya sebagai lubang api neraka dan taman syurga. Hujah mereka turut berdasarkan pengalaman mereka membongkar perkuburan dan tidak mendapati malaikat yang buta mahupun bisu yang memukul mayat dengan pemukul daripada besi, dan juga tidak mendapati ular, kala jengking dan api yang menjulang-julang di dalamnya.

Selain itu demi membuktikan penolakan tersebut, mereka meletakkan mayat di dalam kubur pada waktu tertentu, dan setelah berlalu beberapa ketika, mereka membongkar kembali kubur tersebut. Hasilnya mereka mendapati mayat tersebut masih tetap pada kedudukan asalnya. Mereka turut melumurkan mata mayat dengan air raksa dan menapakkan tombak di dadanya, dan setelah dikuburkan dan berlalu beberapa masa, kemudian mereka membongkar kembali kuburnya, namun didapati mayat tersebut tetap utuh sebagaimana keadaan sebelumnya.

Golongan ini dengan itu berpendapat jika mayat dalam kubur dapat melihat sejauh mata memandang kerana luas kuburnya, atau kuburnya disempitkan, ternyata sudah pasti akan ditemui kesan tersebut dan terbukti secara fizikalnya ia tidak berlaku sedemikian. Bahkan, liang lahad yang sebelum ini digali tidak menjadi lebih luas dan tidak pula menjadi sempit. Mereka turut menggunakan logik akal dengan membangkitkan persoalan tentang had keluasan liang lahad untuk mayat dan para malaikat yang menyolalnya di dalam kubur.<sup>7</sup>

---

<sup>6</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Iqtīṣād fī al-I’tiqād* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1988), 135.

<sup>7</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Kitāb al-Rūh*, vol. 1, ed. Muḥammad Ajmal Ayyūb al-Islāḥī (Jeddah: Dār al-‘Ilm al-Fawā’id li al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.) 181.

Inilah sekalian alasan yang digunakan oleh golongan Mu'tazilah, ateis dan zindiq bagi menolak azab kubur. Justeru, penelitian perlu dilakukan terutamanya berhubung pandangan ulama Melayu bagi memahami hakikat sebenar persoalan tersebut. Pemilihan kitab *Kashf al-Ghaybiyyah* sebagai asas penelitian adalah disebabkan karya ini banyak memuatkan persoalan *al-Sam'iyyāt* termasuk secara khususnya perbahasan azab kubur. Di samping itu, karya ini banyak memuatkan nas al-Quran dan Hadith bagi menyokong perbahasan yang dikemukakan.

### Azab Kubur Menurut Perspektif Islam

Azab kubur merupakan sebahagian daripada persoalan yang berhubung dengan alam barzakh, manakala alam barzakh pula adalah alam ghaib yang pasti akan ditempuhi oleh setiap manusia setelah berlaku kematian.

Alam barzakh dalam bahasa Arab berasal dari perkataan (برزخ) yang bermaksud pemisah atau sempadan di antara dua benteng.<sup>8</sup> Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

مَرْجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ﴿١٩﴾ لَا يَبْغِيَانِ

Terjemahan: Maksudnya, ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.

Al-Rahmān: 19-20

<sup>8</sup> 'Abd al-Rahmān Qahtān al-Dūrī, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Madhāhibuhā* (Oman: Dār al-'Ulūm li al-Nashr wa al-Tawzī', 2007), 474; Muḥammad Ibn Abū Bakr al-Razī, *Mukhtaṣar al-Ṣīḥah* (Beirut: Maktabah Lubnān, 1985), 20. Lihat juga Siti Nurul Hanim Mahd Nayai, "Azab Kubur Menurut al-Sunnah: Tumpuan kepada Hadith dalam Sahihayn," Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 32; Muḥammad Ibn Mukram, *Lisān al-'Arāb*, vol. 1 (Beirut: Dār al-Šādir, 1994), 296.

وَهُوَ الَّذِي مَرَّ بِالْبَحْرَيْنِ هَذَا عَدْبُ فُرَاتٍ وَهَذَا  
مَلْحُ أَجَاجٍ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا رِحْجَرًا مَحْجُورًا

Terjemahan: Maksudnya, Dan Dialah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga dan yang satu lagi masin lagi pahit; serta Dia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya.

Al-Furqān: 53

Manakala dari segi istilah, barzakh bermaksud masa yang memisahkan antara kehidupan dunia dan akhirat, bermula setelah kematian dan berakhir setelah kebangkitan.<sup>9</sup> Banyak istilah yang digunakan oleh masyarakat bagi menggambarkan tempat penyemadian orang yang telah meninggal dunia, kadangkala disebut alam kubur, alam barzakh dan alam roh. Namun ketigatiga istilah tersebut mempunyai pengertian yang sama meskipun berbeza dari segi sebutan.<sup>10</sup>

Kubur pula didefinisikan sebagai tempat menanam mayat. Alam barzakh pula bermaksud tempat persemedianan roh orang yang telah meninggal dunia.<sup>11</sup> 'Umar Sulaymān menyatakan bahawa alam barzakh menurut syarak ialah kedudukan antara kematian dan kebangkitan.<sup>12</sup> Firman Allah SWT:

<sup>9</sup> 'Umar Sulaymān al-Ashqar, *Yawm al-Akhīr, Qiyāmah al-Šughrā* (Jordan: Dar al-Nafā'is, 1995), 13; Qahtān, *al-'Aqīdah al-Islāmiyah*, 474; Khawaja, *Mati itu Spektakuler*, 92.

<sup>10</sup> Syahrin Nasution, *Liku-liku Perjalanan ke Alam Barzakh* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah, 1999), 61.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 62

<sup>12</sup> Al-Ashqar, *Yawm al-Akhīr*, 13.

لَعَلِّي أَعْمَلُ صَلِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ  
قَاءِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرَزَ إِلَى يَوْمٍ يُبَعْثُونَ

Terjemahan: Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan. Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang dia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat).

Al-Mu'minūn: 100

Apabila seseorang itu berada di persinggahan pertama iaitu alam barzakh, maka mereka akan berhadapan dengan soalan daripada dua malaikat di dalam kubur. Ketika itu, Allah SWT mengembalikan semula roh, pendengaran dan penglihatan kemudian disusuli pertanyaan oleh malaikat Munkar dan Nakir tentang tuhan, agama dan nabinya. Orang yang meninggal dunia akan memperolehi nikmat atau azab berdasarkan kebaikan dan keburukan jawapan yang diketengahkan.<sup>13</sup> Menurut jumhur ulama, menjadi kewajipan kepada setiap individu untuk beriman dengan apa yang dinyatakan oleh nas al-Quran dan Hadith. Allah SWT berkuasa untuk melakukan apa sahaja termasuk mengazab atau memberi nikmat, juga memalingkan mata manusia daripada melihatnya.<sup>14</sup>

Al-Tahāwī menyatakan bahawa alam kubur ialah nama bagi suatu yang berlaku selepas kematian, iaitu apabila bercerai roh daripada jasad, kadangkala diberikan

<sup>13</sup> Basri Ibrahim et al., *Memahami Ahli Sunnah wa al-Jamaah Berdasarkan Manhaj Asya'irah* (Selangor: Darul Syakir Interprise, 2018), 195.

<sup>14</sup> Qahtān, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*, 476.

nikmat dan ada kalanya diazab. Dinamakan sedemikian adalah atas jalan *tagħlīb* (kebiasaan), iaitu kebiasaan mana-mana agama apabila berlaku kematian mereka akan dikuburkan. Justeru, berlaku suatu situasi yang dinamakan sebagai azab kubur atau nikmat kubur.<sup>15</sup> Terdapat beberapa ayat al-Quran yang membuktikan kewujudan azab kubur,<sup>16</sup> antaranya seperti berikut:<sup>17</sup>

- a. Azab di alam barzakh untuk Firaun dan para pengikutnya, firman Allah SWT,

النَّارُ يُرَضُّونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَبِوَمَ تَقُومُ  
السَّاعَةُ أَذْخُلُوا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ

Terjemahan: Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam barzakh) dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah

<sup>15</sup> Ibn Abī al-‘Izz al-Ḥanafī, *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Tahawiyah* (Mesir: Maktabah ‘Ibād al-Rahmān, 2008), 191.

<sup>16</sup> Imam Bukhārī telah menyenaraikan tiga ayat al-Quran di dalam kitabnya *Sahīḥ al-Bukhārī* dalam Bab Mā Jā'a fī 'Adhāb al-Qabr iaitu ayat 93 surah al-An'am, ayat 101 surah al-Tawbah, ayat 45-46 surah Ghafir. Menurut Ibn Ḥajar hal sedemikian adalah sebagai ingatan bahawa persoalan ini telah disebut di dalam al-Quran sebagai penolakan dakwaan individu yang menafikan kewujudan azab kubur dengan alasan ianya tidak disebut di dalam al-Quran dan kewujudannya adalah dithabitkan dengan hadith ahad. Lihat Ibn Ḥajar Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, vol. 1 (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 296. Menurut Ibn Taymiyyah, ayat al-Quran yang menyebut tentang azab kubur ialah surah Ghafir ayat 46, al-Tawbah ayat 100, Nuh ayat 25, al-An'am ayat 93, al-Anfal ayat 50-51. Lihat, Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn Taymiyyah, *Majmū'ah al-Fatāwā*, vol. 4 (Beirut: Dār al-Wafā', 2001), 165. Sementara menurut Ibn Qayyim pula ialah ayat 93 surah al-An'am, ayat 46 Ghafir, ayat 45-47 al-Tur, ayat 21 Sajadah, ayat 83-96 al-Waqi'ah dan ayat 27-30 al-Fajr, Lihat Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Rūḥ* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1975), 75.

<sup>17</sup> Siti Nurul Hanim, "Azab Kubur Menurut al-Sunnah," 41.

Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!  
Ghāfir :46

Ayat ini menjadi hujah bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah tentang kesahihan azab kubur.<sup>18</sup> Ia bukan bermaksud azab kiamat kerana pada ayat berikutnya Allah SWT menyebut bahawa mereka akan dikembalikan ke neraka pada hari kiamat. Menurut al-Qurtubī kenyataan ini disokong oleh beberapa *mufassir* seperti Mujāhid, 'Ikrimah, Muqātil dan Muḥammad bin Ka‘ab bahawa azab ini berlaku di alam barzakh dan bukan di akhirat.<sup>19</sup> Justeru, ianya menjadi bukti kewujudan azab kubur. Ayat ini diperkuuhkan lagi dengan hadith Nabi s.a.w<sup>20</sup>:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:  
إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا مَاتَ، عُرِضَ عَلَيْهِ مَقْعُدٌ بِالْغَدَاءِ وَالْعَشَيِّ،  
إِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَمِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَإِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ  
النَّارِ فَمِنْ أَهْلِ النَّارِ، فَيُقَالُ: هَذَا مَقْعُدُكَ حَتَّى يَعْثَكَ اللَّهُ  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Terjemahan: Apabila seseorang kamu mati, diperlihatkan kepadanya tempatnya pagi dan petang. Jika ia penduduk syurga, maka ia akan masuk ke syurga dan jika ia penduduk neraka ia akan masuk ke neraka. Kemudian dikatakan kepadanya inilah tempatmu sehinggalah Allah membangkitkanmu pada hari kiamat.

<sup>18</sup> Abū al-Fidā' Ismā'īl Ibn 'Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2000), j.4, 81.

<sup>19</sup> Al-Qurtubī, *al-Jāmi' al-Āhkām al-Qurān*, (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2006), vol. 18, 364

<sup>20</sup> Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Jana'iz," hadith no. 1379, vol. 3 (Kaherah: Maktabah al-Jumhūriyyah al-'Arabiyyah, Matba'ah Muḥammad 'Alī Ṣaḥīḥ wa Awlādih, t.t.), 308.

Hadith di atas menjelaskan tentang situasi mereka yang berada di alam barzakh yang terlebih dahulu akan dipertontonkan lokasi yang bakal mereka diamai di akhirat kelak.

- b. Golongan munafik menerima dua kali azab sebelum dikenakan azab yang lebih besar sebagaimana firman Allah SWT,

وَمَنْ حَوْلَكُمْ مِّنَ الْأَعْرَابِ مُنَفِّقُونَ ۚ وَمَنْ أَهْلِ  
الْمَدِينَةِ مَرْدُوا عَلَى الْتَّفَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ ۖ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ  
سَنُعَذِّبُهُمْ مَرَّيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَى عَذَابٍ عَظِيمٍ

Terjemahan: Dan di antara orang-orang yang di sekeliling kamu dari orang-orang A'rāb ada yang bersifat munafik dan (demikian juga) sebahagian dari penduduk Madinah; mereka telah berkeras dengan sifat munafik; engkau tidak mengetahui mereka (bahkan) Kamilah yang mengetahui mereka. Kami akan azabkan mereka berulang-ulang, kemudian mereka dikembalikan kepada azab yang besar.

Al-Taubah: 101

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menyatakan sebanyak dua kali azab yang akan menimpa golongan munafik disebabkan kemunafikan mereka iaitu azab kubur dan azab yang lebih besar di akhirat.<sup>21</sup> Beberapa ulama tafsir seperti Ibn 'Abbās, Ibn Jurayj, Muḥammad bin Ishāq, Qatādah dan Ḥasan al-Baṣrī ketika membahaskan ayat ini menyebut salah satu dari dua azab ini adalah azab

---

<sup>21</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmū 'ah al-Fatāwā*, vol. 4, 163.

kubur yang dikenakan terhadap mereka sebelum dikenakan azab yang lebih berat iaitu api neraka.<sup>22</sup>

- c. Balasan azab selepas mati terhadap mereka yang mendustai Allah SWT,

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحِي إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَنْ قَالَ سَأَنْزِلُ مِثْلَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَوْ تَرَى إِذَا الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُوا أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوهُ أَنفُسَكُمُ الْيَوْمَ ثُبَّرُوْنَ عَذَابَ الْهُوْنِ بِمَا كُنْتُمْ تَقُولُوْنَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنْتُمْ عَنْ عِيَاتِهِ تَسْكُبُرُوْنَ

Terjemahan: Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara yang dusta terhadap Allah atau orang yang berkata: Telah diberi wahu kepadaiku, padahal tidak diberikan sesuatu wahyupun kepadanya dan orang yang berkata: Aku akan menurunkan seperti apa yang diturunkan Allah dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan sakratulmaut (ketika hendak putus nyawa), sedang malaikat-malaikat pula menghulurkan tangan mereka (memukul dan menyeksa orang-orang itu) sambil berkata (dengan menengking dan mengejek): Keluarkanlah nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri); pada hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina (kamu) sehina-

<sup>22</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, 904-905; Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad al-Dhahabī, *Tazkirah al-Ḥuffāz*, vol. 1 (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 2002), 92.

hinanya, disebabkan apa yang telah kamu katakan terhadap Allah dengan tidak benar dan kamu pula (menolak dengan) sombang takbur akan ayat-ayat keteranganNya.<sup>23</sup>

Al-An'ām: 93

- d. Kehidupan yang sempit sebelum dikumpulkan pada hari kiamat dalam keadaan buta.

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكاً  
وَخَسْرُهُ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى

Terjemahan: Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit dan Kami akan himpukkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta.

Tāhā: 124

Kehidupan yang sempit ini ditimpakan kepada mereka yang berpaling dari mengingati Allah SWT dan mengingkari suruhanNya. Abū Hurayrah meriwayatkan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ  
الْمُؤْمِنَ فِي قَبْرِهِ لَفِي رَوْضَةٍ حَضْرَاءٍ وَيُرْحَبُ لَهُ قَبْرُهُ سَبْعُونَ  
ذَرَاعًا وَيُنَوَّرُ لَهُ كَالْقَمَرِ لِيَلَّةَ الْبَدْرِ أَتَدْرُونَ فِيمَا أَنْزَلْتُ هَذِهِ  
الآيَةِ؟ فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكاً وَخَسْرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى؟  
أَتَدْرُونَ مَا الْمَعِيشَةُ الضَّنْكَةُ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ:  
عِذَابُ الْكَافِرِ فِي قَبْرِهِ ...

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abū Hurayrah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Orang Mukmin di dalam kuburnya adalah di dalam taman hijau, luas kuburnya tujuh puluh

<sup>23</sup> *Ibid.*, 44.

hasta dan cahaya menyinarinya umpama bulan bulan waktu mengambang, tahuhan engkau kepada siapa ayat ini diturunkan? Sesungguhnya baginya kehidupan yang sempit dan kami akan kumpulkan pada hari kiamat dalam keadaan buta? Tahukah engkau apakah yang dimaksudkan dengan kehidupan yang sempit? Mereka menjawab: Allah dan Rasulnya lebih mengetahui. Nabi bersabda: Azab orang-orang kafir di dalam kubur.”<sup>24</sup>

Hadith di atas menjelaskan tentang pengertian sebenar ‘kehidupan yang sempit’ dengan maksud azab kubur yang akan ditimpakan kepada golongan yang mengingkari perintah Allah SWT. Justeru, beberapa dalil dari al-Quran dan hadith seperti yang dikemukakan di atas menunjukkan secara jelas dan nyata berkenaan kewujudan azab kubur. Perbahasan selanjutnya pula akan membincangkan berkenaan *Kashf al-Ghaybiyyah*.

### **Pengenalan Ringkas Pengarang dan Kitab *Kashf al-Ghaybiyyah***

Pengarang kitab *Kashf al-Ghaybiyyah* iaitu Syeikh Zainal Abidin al-Fatani merupakan antara tokoh ulama Melayu Patani terkenal selepas Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Ahmad al-Fatani dan Syeikh Nik Dir al-Fatani. Nama penuh beliau ialah Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dahhan bin Syeikh Wan Syamsuddin bin Syeikh Jaafar. Namun beliau lebih dikenali dengan gelaran Tuan Minal.<sup>25</sup> Beliau dilahirkan di Kampung

<sup>24</sup> Nūr al-Dīn ‘Alī Ibn Abū Bakr al-Haythamī, *Mawārid al-Zam’ān ilā Zawā’id Ibn Hibbān*, Kitāb al-Janā’iz, no. 782 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 198.

<sup>25</sup> Gelaran ini dikatakan mempunyai kaitan dengan peristiwa Tuan Minal dengan muridnya, di mana apabila beliau merasa marah atau runting terhadap mereka maka beliau akan membaca surah *al-Nās*. Apabila sampai kepada ayat “*min al-jinnati wa al-nās*” beliau meninggikan suaranya. Semakin kuat rasa marahnya, semakin

Bendang Badang, iaitu sebuah kampung yang terletak di lembangan Sungai Patani, berdekatan dengan Pekan Binjai Lama yang terletak di tengah-tengah perjalanan antara Bandar Patani dengan Bandar Yala, Thailand.<sup>26</sup>

Tuan Minal mendapat pendidikan secara tidak formal di madrasah kampung beliau sendiri, memandangkan pada zaman tersebut pusat pengajian pondok menjadi pilihan utama muda-mudi yang bermingat terhadap pendidikan agama. Berbekalkan keazaman dan kesedaran yang tinggi untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan agama, beliau telah mengambil inisiatif untuk meneruskan lagi pengajian di pusat pengajian pondok. Pusat pengajian yang menjadi pilihan beliau ialah pondok Bendang Daya.

Semasa berada di pondok ini, beliau berkesempatan belajar dengan beberapa tokoh ulama pondok yang terkenal pada waktu itu seperti Syeikh Wan Mustafa bin Muhammad Faqih al-Patani atau Tok Wan Pa yang merupakan pengasas pondok tersebut,<sup>27</sup> dan Syeikh Abdul

---

tinggilah tekanan suaranya terhadap ayat tersebut. Ekoran seringkali menyebut ayat tersebut, maka lama kelamaan melekatlah kalimah *min al-jinnah* menjadi gelarannya. Kemudian kalimah tersebut disingkatkan menjadi “minal”. Wan Muhamad Shaghir Abdullah, “Zainal Abidin al-Fatani,” Majalah Dakwah, April, 1991, 16; Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar dari Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 71.

<sup>26</sup> *Ibid.*, 64. Menurut Hj. Wan Mohd Saghir, beliau berasal dari Kampung Anak Ru Patani. Wan Mohd Saghir Abdullah, “Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama Melayu,” dalam *Ulama Dunia Melayu Yang Diperkenalkan dalam Utusan Malaysia*, ed. Wan Mohd Saghir Abdullah (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2007), 137.

<sup>27</sup> Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fatani dilahirkan pada tahun 1160H/1747-8M di Kampung Bendang Daya, Patani. Beliau merupakan anak Wan Muhamad al-Fatani, merupakan seorang ulama Patani yang masyhur pada zamannya. Pernah diberikan gelaran sebagai “Hulubalang kepada Sultan Fathani Darus Salam”, “Hulubalang Wan Pa” dan “Datuk Panglima Kaya”. Syeikh Wan Mustafa dikatakan mempunyai empat orang anak lelaki, dan semuanya berjaya menjadi ulama yang berkualiter. Anak-anak beliau ialah

Rashid al-Fatani yang terkenal dengan gelaran “Keramat Pulau Bidan”. Di samping itu, Tuan Minal turut berkesempatan belajar ilmu Usuluddin dengan Syeikh Muhammad Thayyib bin Mas’ud al-Banjari al-Qadhi dari Kedah.<sup>28</sup>

Berbekalkan keazaman yang tinggi untuk menambah ilmu pengetahuan, Tuan Minal sekali lagi menyambung pelajaran ke luar negeri. Kali ini pusat pengajian yang menjadi pilihan beliau ialah di Masjid al-Haram, Mekah. Pada waktu itu, pengajian di Masjid al-Haram lebih terkenal sebagai pusat pendidikan sama ada secara formal atau tidak, dan telah dikunjungi oleh ramai bangsa Melayu bagi menimba ilmu agama.<sup>29</sup> Ketika berada di Mekah, beliau sempat menimba ilmu dengan beberapa tokoh ulama Arab dan Patani yang terkenal pada waktu itu, antaranya seperti Shaykh Muḥammad bin Sulaymān Ḥasb Allāh al-Makkī, Syeikh Wan Ali bin Ishak al-Fatani, Syeikh Abdullah bin Abdul Rahim al-Fatani, Syeikh Daud al-Fatani dan lain-lain lagi.<sup>30</sup>

Beliau tidak bermastautin lama di Mekah seperti rakan-rakan lain yang terus bermukim di sana. Ini kerana setelah selesai menuntut ilmu beliau tidak menetap lebih lama di sana, bahkan terus pulang ke tanah air.<sup>31</sup> Manakala keputusan yang dibuat oleh ulama dan penuntut

---

Syeikh Wan Muhamad Zin, Syeikh Wan Abdul Kadir, Syeikh Wan Abdul Latif dan Syeikh Wan Daud. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar dari Patani*, 20; H. M. Bedjo Santoso, “Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya Terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa,” dalam *Nadwah Ulama Nusantara III*, ed. Farid Mat Zain, et al. (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 244.

<sup>28</sup> Wan Mohd Saghir, *Ulama Dunia Melayu*, 137.

<sup>29</sup> Che Zarrina Sa’ari, “Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim,” *Jurnal AFKAR*, vol. 2 (2001), 62.

<sup>30</sup> Mohd Zamperi A. Malik, *Patani dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 120; Wan Mohd Saghir, *Ulama Dunia Melayu*, 137-138

<sup>31</sup> Ahmad Fathy, *Ulama Besar dari Patani*, 64.

ilmu dari Patani yang lain bukanlah bertujuan melaikan diri daripada tanggungjawab terhadap masyarakat, tetapi ekoran daripada percaturan politik dan tekanan yang berterusan daripada kerajaan Thailand terhadap masyarakat Islam yang tidak memungkinkan Islam mampu disebarluaskan dengan selamat. Antara ulama Patani yang mengambil inisiatif untuk terus bermukim di Mekah ialah seperti Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Nik Dir al-Fatani, Tok Sengora, Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhamad Zin al-Fatani, Tok Gudang, Syeikh Nik Mat Kechik al-Fatani dan lain-lain lagi.

Sepanjang hayatnya Tuan Minal telah menghasilkan banyak karya untuk tatapan generasi akan datang, namun karya bertemakan akidah lebih mendominasi berbanding bidang lain. Antara karya akidah beliau yang terkenal ialah '*Aqidah al-Nājīn*' yang masih lagi dijadikan teks pengajian di pondok Malaysia dan Patani. Selain karya tersebut, terdapat beberapa karya akidah lain seperti *Kashf al-Ghaybiyyah*, *Miftāḥ al-Murīd fī 'Ilm al-Tawḥīd* dan *Irshād al-'Ibād ilā Sabīl al-Rashād*. Manakala karya selain akidah seperti *Kashf al-Lithām 'an As'īlah al-Anām*, *Tabassum al-Shāribīn* dan Faedah.

Kitab *Kashf al-Ghaybiyyāt* merupakan salah sebuah karya Tuan Minal yang dihasilkan untuk menyampaikan pengajian ilmu akidah Islam kepada masyarakat.<sup>32</sup> Karya yang mengandungi 150 halaman ini selesai dikarang pada 1301H bersamaan 1883M.<sup>33</sup> Ia merupakan karya pertama beliau berkenaan akidah yang ditulis tujuh tahun sebelum kitab *Kashf al-Lithām 'an As'īlah al-Anām* yang

---

<sup>32</sup> Faizuri Abd Latif, *Pemikiran Tuan Minal dalam Aqidah Ketuhanan: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin*, Tesis PhD, (Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009), 99.

<sup>33</sup> Zainal Abidin al-Fatani, *Kashf al-Ghaybiyyah* (Patani: Maṭba‘ah bin Halābī, t.t.), 150.

dihasilkan pada 1307H bersamaan 1889M, serta kitab *'Aqīdah al-Nājīm*, yang menyusul setahun kemudian.<sup>34</sup>

Berbanding karya akidah lain, karya jawi ini lebih cenderung membahaskan persoalan *al-Sam'iyyāt* dan *al-Ghaybiyyāt* dalam perbincangannya. Situasi yang berbeza dengan sesetengah karya beliau yang lain seperti *'Aqīdah al-Nājīm* dan *Miftāh al-Murīd* yang lebih memfokuskan persoalan *al-Ilāhiyyāt* (ketuhanan). Ini bersesuaian dengan nama karya tersebut iaitu *Kashf al-Ghaybiyyah* yang bermaksud membongkar segala perkara ghaib. Karya ini menggabungkan beberapa rujukan kitab seperti *Dāqā'iq al-Akhbār fī Dhikr al-Jannah wa al-Nār* karangan Imām 'Abd al-Rahīm Ibn Alīmad al-Qādī, *Durar al-Ḥisān* karangan al-Suyūṭī, *Mashāriq al-Anwār* karangan Ḥasan al-'Adawī dan beberapa karya lagi.<sup>35</sup>

Ia memuatkan beberapa persoalan penting perkara ghaib yang disusun dalam sepuluh bab. Bab pertama dinamakan sebagai Pada Menyatakan Kejadian Roh *al-A'zam*. Bab kedua, Pada Menyatakan Kejadian Adam. Bab ketiga, Pada Menyebutkan Segala Malaikat dan Kejadian Malaikat Maut. Bab keempat, Pada Menyatakan *Ahwāl* Malaikat Maut Ketika Ia Mengambil Roh. Bab kelima, Pada Menyatakan *Ahwāl* Kubur dan Menyatakan Malaikat Yang Masuk di Dalam Kubur Sebelum Munkar dan Nakir. Bab keenam, Pada Menyatakan Segala Roh Kemudian Daripada Keluar Dari Badan Datang ke Kubur dan Rumahnya. Bab ketujuh, Pada Menyatakan Beberapa Syarat Kiamat dan Perkara Yang Berkaitan Dengannya. Bab kelapan, Pada Menyatakan Keadaan Hari Kiamat.

---

<sup>34</sup> Faizuri, *Pemikiran Tuan Minal dalam Aqidah Ketuhanan*, 100

<sup>35</sup> Tuan Minal secara berterus terang menyatakan bahawa tujuan beliau menulis *Kashf al-Ghaybiyyah* adalah untuk membantu golongan yang tidak mahir dalam Bahasa Arab sebagaimana katanya, "Hal keadaannya aku menterjemah dengan bahasa jawi supaya dapat faham oleh orang yang tiada mengetahui akan kalam Arab". Zainal Abidin al-Fatani, *Kashf al-Ghaybiyyah*, 2.

Bab kesembilan, Pada Menyatakan Sifat Neraka dan Ahlinya, dan bab kesepuluh, Pada Menyatakan Sifat Syurga dan Ahlinya.<sup>36</sup>

Meskipun karya ini membincangkan persoalan perkara ghaib secara terperinci, namun artikel ini hanya akan memfokuskan pada bab kelima dan keenam sahaja yang mepunyai perkaitan dengan perbahasan azab kubur.

### **Konsep Azab Kubur Dalam Kitab *Kashf al-Ghaybiyyah***

Berhubung persoalan azab kubur, Tuan Minal telah mengemukakan satu riwayat tentang kemunculan malaikat bernama Rūmān sebelum kedatangan Munkar dan Nakir, yang bercahaya wajahnya seperti matahari memerintahkan mayat agar menulis segala amal kebaikan dan kejahatan yang telah mereka lakukan semasa berada di dunia. Kata penulis:

Diceritakan daripada ‘Abdullāh bin Salām, menyuruh ia akan mayat supaya menulis segala amal kebaikan dan kejahatan yang telah dia lakukan semasa hidup di dunia, maka berkata mayat: Dengan apa suatu yang aku suratkan, di mana *qalāmku* (pen) di mana bekas dakwatku, dan di mana dakwatku. Berkata malaikat: Air liur engkau sebagai dakwat, jari engkau sebagai *qalām*. Berkata mayat: Atas apa suatu aku suratkan, tiada bagiku *sahīfah* (kertas). Sabda Nabi s.a.w.: Maka dipotongkan daripada kain kapannya, maka berkata malaikat: inilah sahifah engkau, maka tulis olehmu. Maka menyurat ia akan barang yang beramat ia di dalam dunia daripada kebaikan. Maka apabila sampai kepada kejahatan, malu ia, maka berkata malaikat: Hai orang yang berdosa, kerana apa

---

<sup>36</sup> Zainal Abidin al-Fatani, *Kashf al-Ghaybiyyah*, 3.

engkau tiada malu kepada yang menjadikan engkau, sekira-kira engkau berbuat kejahatan di dunia. Sedangkan malu engkau kepada aku sekarang ini. Maka menggangkat oleh malaikat itu akan tongkatnya, maka memukul ia akan dia. Dan berkata mayat kepada malaikat: Angkat olehmu daripadaku akan pukulan supaya aku tuliskan dia. Maka menulis ia di dalamnya akan sekalian kebajikan dan sekalian kejahatan. Maka menyuruh ia (malaikat) akan mayat, bahawa mengulung ia dan metri akan dia. Berkata mayat: Dengan apa suatu aku metri akan dia tiada sertaku *khatām*, maka berkata ia (malaikat) metri olehmu akan dia dengan kuku engkau, maka metri ia akan dia dengan kukunya, dan digantung ia pada batang lehernya sampai hari kiamat.<sup>37</sup>

Menurut Tuan Minal, terdapat perkaitan antara hadith di atas dengan firman Allah SWT<sup>38</sup>:

وَكُلَّ إِنْسَنٍ أَرْزَمْنَاهُ طَرَهُ وَ فِي عُنْقِهِ وَخُرُجٌ لَهُ وَ يَوْمٌ  
الْقِيمَةِ كِتَبًا يَلْقَئُهُ مَنْشُورًا

Terjemahan: Dan tiap-tiap seorang manusia, kami kalungkan bahagian nasibnya di lehernya dan pada hari kiamat kelak, kami akan keluarkan kepadanya kitab (suratan amalnya) yang akan didapatinya terbuka (untuk di tatapnya).

Al-Isra' 17: 13

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat diketahui bahawa selain daripada Munkar dan Nakir yang akan menyatakan mayat ketika di alam kubur, terdapat seorang lagi

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, 33.

<sup>38</sup> *Ibid.*

malaikat yang akan berhadapan dengan mayat, iaitu Rūmān, dan peranannya adalah memerintahkan mayat agar menulis segala amal kebaikan dan kejahatan ketika hidup di dunia. Segala yang telah ditulis oleh si mati, kemudian akan dimeteri serta digantung pada leher mayat sehingga hari kiamat. Tuan Minal mendatangkan ayat surah al-Isra' 17:13, bagi menguatkan lagi hujah setiap manusia bakal dikalungkan pada leher masing-masing dengan catatan amal kebaikan dan keburukan yang ditulis sendiri. Dalam *Tafsīr Ibn Kahtīr*, disebutkan bahawa catatan amal tersebut digantung pada leher manusia ketika di alam kubur hingga berlaku kiamat.<sup>39</sup>

Berhubung hadith di atas, penulis tidak menemui matan hadith tersebut di dalam kebanyakan kitab hadith, samada dalam *Sunan al-Sittah* dan sebagainya. Namun terdapat penjelasan dalam kitab *Sakb al-'Abarāt li al-Mawt al-Qabr wa al-Sakarāt* yang menyifatkan hadith tersebut sebagai daif.<sup>40</sup> Secara umumnya hadith daif tidak ditolak secara sepenuhnya dalam perbincangan ilmu, sebaliknya ulama Islam membolehkan dan mengharuskan penggunaannya dalam persoalan kelebihan sesuatu ibadat, dorongan janji baik dan peringatan janji buruk yang diberikan dalam agama asalkan tidak melibatkan perkara hukum halal dan haram.<sup>41</sup> Meskipun begitu, penulis turut menemui hadith yang hampir sama dalam kitab *Tazkirah* karangan Imām al-Qurṭubī yang menyatakan:

وقد روی عن ابن مسعود رضي الله عنه أنه قال يا رسول الله : ما أول ما يلقى الميت إذا دخل قبره ؟ قال : يا ابن مسعود ما سألكي عنه أحد إلا أنت. فأول ما يناديه ملك

<sup>39</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, vol. 8, 399.

<sup>40</sup> Abū Bakr al-Jazā' irī, *Sakb al-'Abarāt li al-Mawt wa al-Qabr wa al-Sakarāt*, juz 3 (Mesir: Maktabah Mu'āz bin Jabal, 1999), 418.

<sup>41</sup> Abū 'Awwāmah, *Hukm al-'Amal bi al-Hādīth al-Dā'i'f Bayn al-Nazariyyah wa al-Taṭbiq wa al-Da'wā* (Jeddah: Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī', 2017), 73.

اسمه رومان يجوس خلال المقابر فيقول : يا عبد الله اكتب  
عملك. فيقول : ليس معندي دواة ولا قرطاس

Terjemahan: Dirwayatkan dari Ibn Mas'ud RA berkata: Ya Rasulullah, apakah yang pertama dijumpai oleh mayat pada saat masuk kuburnya? Rasulullah menjawab: Hai Ibn Mas'ud, sesungguhnya kamu telah menanyakan kepadaku hal yang belum pernah seorangpun bertanya selain kamu. Yang pertama yang memanggil mayat adalah malaikat yang bernama Rūmān, berada di celah-celah kuburan. Malaikat Rūmān bertanya kepada mayat, "Hai hamba Allah, tulislah amalanmu," Si mayat menjawab: Aku tidak mempunyai dakwat dan kertas.<sup>42</sup>

Ibn Ḥajar menjelaskan bahawa hadith berkaitan malaikat bernama Rūmān yang datang kepada mayat di dalam kubur adalah hadith yang mempunyai sanad yang lemah.<sup>43</sup> Al-Ghazālī dalam kitab *al-Durrāh al-Ākhirah fī Kashf 'Ulūm al-Ākhirah* mengakui terdapat malaikat yang bernama Rūmān dengan menyatakan apabila diratakan tanah ke atas mayat, maka malaikat yang bernama Rūmān akan memanggil mayat.<sup>44</sup> Berdasarkan perbincangan di atas, meskipun Ibn Ḥajar menghukum hadith tersebut sebagai daif, namun ianya diakui oleh al-Ghazālī dan al-Qurtubī yang turut mengesahkan malaikat Rūmān sebagai salah seorang malaikat di dalam kubur.

<sup>42</sup> Abū 'Abd 'Allāh Muhammad bin Ahmad Shams al-Dīn al-Qurtubī, *al-Tazkirah fī Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah*, vol. 1 (Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj, 1995), 140.

<sup>43</sup> Ahmad ibn Muhammad ibn Ḥajar al-Haythamī, *al-Fatāwā al-Hadīthiyah* (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1937), 7.

<sup>44</sup> Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, *al-Durrāh al-Ākhirah fī Kashf 'Ulūm al-Ākhirah* (Beirut: Maktabah al-Thaqafiyah, t.t.), 34.

## **Mayat Diperlihatkan Tempat Tinggal Terakhirnya di Alam Kubur**

Tuan Minal turut membincangkan situasi mayat ketika dimasukkan ke dalam kubur atau liang lahad. Selain daripada berhadapan dengan soalan Munkar dan Nakir, mayat juga akan diperlihatkan tempat kediamannya sama ada ke syurga atau neraka. Menurut penulis:

Maka apabila dihantarkan orang mukmin itu di dalam liang lahad nescaya berkata baginya oleh bumi bermula engkau itu adalah engkau terlebih kasih kepada aku, pada hal engkau atas belakangku, maka betapa pada ketika jadi engkau di dalam perutku lagi akan aku perlihat akan dikau akan barang yang aku perbuat dengan engkau maka diluaskan baginya di dalam kuburnya seperti pandangan mata dan dibukakan baginya akan satu pintu di sisi dua kakinya kepada syurga, maka dikatakan baginya tilik olehmu akan barang yang dijanjikan Allah bagi engkau daripada pahala dan dibukakan baginya satu pintu di sisi kepalanya kepada neraka dan dikatakan baginya tilik olehmu akan barang yang memaling Allah daripada engkau daripada azab.<sup>45</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, didapati setiap insan yang beriman atau kafir akan ‘berbicara’ dengan kubur, dan Allah SWT menjadikan bagi kubur ‘lidah untuk berkata-kata’.<sup>46</sup> Bagi orang yang beriman serta beramal soleh, mereka akan dikasihai oleh bumi ketika hidup di dunia sehinggalah dimasukkan ke dalam liang lahad, dengan mendapat layanan yang istimewa iaitu diluaskan kuburnya sejauh mata memandang dan dibentangkan

---

<sup>45</sup> Zainal Abidin al-Fatani, *Kashf al-Ghaybiyyah*, 19.

<sup>46</sup> Al-Qurtubī, *al-Tazkirah*, vol. 1, 118.

tempat tinggalnya di syurga. Manakala bagi jasad yang tidak beriman, maka sudah tentu dia menjadi manusia yang paling dibenci oleh bumi ketika hidup di dunia sehingga dimasukkan ke dalam kubur. Ketika itu, dia akan diberikan layanan yang amat buruk, dan bumi akan menghimpit jasadnya dengan kasar, lalu dibentangkan tempat tinggalnya di neraka.

### **Faktor Ditimpa Azab Kubur**

Setelah membincangkan tentang situasi di alam kubur sama ada diberikan nikmat atau ditimpa azab di dalamnya, maka perbahasan penulis tertumpu pula kepada faktor seseorang diazab di dalam kubur. Antaranya seperti meratap atas kematian, tidak membantu orang yang dizalimi dan lain-lain. Berikut akan dirincikan perbahasan tersebut:

#### **i. Meratap atas kematian**

Azab kubur boleh berlaku dengan pelbagai sebab antaranya ialah meratap. Perbincangan ini akan menerangkan pengertian meratap, dan dalil yang dikemukakan oleh Tuan Minal berkenaan meratap dan juga hukum meratap.

Meratap ialah mengangkat suara dengan menyebut-sebut kebaikan si mati sama ada disertai dengan tangisan atau sebaliknya.<sup>47</sup> Dalam *Kamus Dewan*, meratap bermaksud menangis sambil mengeluarkan kata-kata, mengeluh (sambil menjerit, menangis, dll).<sup>48</sup> Tuan Minal menjelaskan, meratap terhadap kematian seseorang menunjukkan seseorang itu tidak sabar dengan musibah yang menimpanya. Lebih teruk lagi ada yang bertindak mengoyak pakaian atau memukul dada. Perbuatan tersebut

---

<sup>47</sup> Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alān bin Ibrāhim al-Shāfi‘ī, *Dalīl al-Fālihīn lī Turuq Riyād al-Ṣālihīn*, vol. 6 (t.t.p.: t.p., t.t.), 223.

<sup>48</sup> Dewan Bahasa Dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat*. (Selangor: Dawama Sdn. Bhd, 2007), 1294

seolah-olah mengisyiharkan perang terhadap Allah SWT.<sup>49</sup>  
Kata penulis<sup>49</sup>:

..(Diriwayatkan pada hadith): Barang siapa yang dibahayakan dengan suatu musibah mencarik ia dengan sebab musibah itu akan kainnya, atau memukul ia dengan sebabnya akan dada, maka seolah-olah mengambil ia akan leming dan perang ia akan Allah Taala.

Berdasarkan penelitian terhadap hadith di atas, penulis tidak menemui hadith yang sama dalam kebanyakan kitab hadith termasuk *Sunan al-Sittah* dan sebagainya, tetapi menemui hadith yang hampir sama maksudnya, iaitu larangan keras meratap ke atas mayat. Hadith tersebut ialah:

عَنْ أَبْنَى مُسْعُودٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسَ مِنَ الْمُرَجُوحَاتِ ، وَشَقَّ  
الْجَيْوَبَ ، وَدَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ .

Daripada Ibn Mas'ud r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Bukan dari kalangan umatku mereka yang menampar pipi, mengoyak baju dan menyeru dengan seruan jahiliyah.<sup>50</sup>

Tuan Minal turut memetik pendapat Abū al-Layth yang menghukum haram bagi sesiapa meratap atas si mati, sebagaimana katanya,

(Kata Faqeh Abū al-Layth) bermula meratap berbiji sabak itu haram dan tiada mengapa menangis dengan tiada mengangkatkan suaranya. Maka bahawa sabarnya itu terlebih

<sup>49</sup> Zainal Abidin al-Fatani, *Kashf al-Ghaybiyyah*, 27, Al-Imām `Abd al-Rahīm bin Ahmad al-Qādī, *Daqā'iq al-Akhbār fī Dhikr al-Jannah wa al-Nār* (Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, t.t), 22

<sup>50</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, "Kitab al-Janā'iz," no. hadith 1214, vol. 5, 48.

إِنَّمَا يُؤْفَى الصَّابِرُونَ أَجْرُهُمْ بِعَيْرِ حِسَابٍ

afdal kerna firmannya ertinya hanya sungguhnya adalah dianugerahi pahala orang yang sâbirûn itu dengan tiada terkira-kira banyaknya.<sup>51</sup>

Berdasarkan keterangan di atas, dapat difahami hukum meratap adalah haram dan diancam azab kepada si mati di alam kubur. Riwayat yang pertama, bagi orang yang meratap seolah-olah dia mengisyihar perang terhadap Allah SWT. Ini kerana perbuatan tersebut menunjukkan seseorang itu tidak dapat menerima ketentuan qada' dan qadar Allah SWT. Imām al-Nawāwī dalam kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, menghukumkan perbuatan meratap sebagai haram, dan mayat akan diazab di dalam kubur dengan sebab ratapan ahli warisnya, sekiranya dia berwasiat kepada warisnya agar melakukan perkara demikian.<sup>52</sup>

Meratap merupakan salah satu daripada dosa besar Menurut Ibn Abbās dosa besar ialah setiap dosa yang dijanjikan dengan neraka, azab atau laknat.<sup>53</sup> Meratap juga boleh membawa seseorang itu jatuh ke lembah kekufuran kerana meratap atas kematiian menunjukkan sifat marah dan tidak beriman dengan qada' dan qadar Allah SWT.<sup>54</sup> Mereka yang tidak beriman kepada qada' dan qadar akan cenderung ke arah kekufuran. Orang yang kufur tidak akan dapat memandang *dhāt* Allah SWT yang mulia di akhirat kelak. Lantaran itu, dalam riwayat kedua dinyatakan orang yang meratap sehingga menggaru-garu muka dan menampar pipi tidak akan dibenarkan melihat *dhāt* Allah SWT yang mulia di akhirat.

<sup>51</sup> Zainal Abidin al-Fatani, *Kashf al-Ghaybiyyah*, 27; Al-Zumar (39):10.

<sup>52</sup> Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharf al-Nawāwī, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, vol. 1 (Kaherah: Maktabah al-Mawrid, 2006), 478.

<sup>53</sup> Abū Hayyān Muhammad bin Yūsuf, *Bahr al-Muḥīṭ*, vol. 4 (al-Riyadh: Maktabah wa Maṭābi‘ al-Nashr al-Ḥadīthah, t.t.), 112.

<sup>54</sup> ‘Abd al-Rahmān bin Muhammad bin Qāsim, *Hāshiyah Kitāb Tawḥīd*, vol. 13 (t.t.p.: Multaqā Ahl al-Ḥadīth, 1408H), 4.

## ii. Tidak Menolong Orang Yang Dizalimi

Tuan Minal menyatakan antara sebab seseorang itu diazab di dalam kubur ialah kerana tidak menolong orang yang dizalimi. Beliau menjelaskan azab tersebut melalui kenyataan Abū Umāmah al-Bāhilī RA<sup>55</sup>:

Dikhabarkan daripada Abū Umāmah al-Bāhilī r.a: Apabila wafat seorang laki-laki dan dihantarkan ke kubur, nescaya datang oleh malaikat maut dan duduk ia di sisi kepalanya, dan mayat akan diazab dan dipukul dengan sekali pukulan dengan pemukul daripada besi, tiada tinggal satu anggota daripadanya melainkan putus ia dan bernyala-nyala kuburnya dengan api. Kemudian berkata ia berdiri olehmu, maka dengan izin Allah tiba-tiba ia duduk, pada hal menjerit ia akan satu jeritan yang mendengar akan dia oleh barang yang antara langit dan bumi melainkan jin dan manusia. Berkata ia kepada malaikat: Kerana apa engkau berbuat akan ini, dan kerana apa engkau azab akan daku, maka sesungguhnya adalah aku mendirikan sembahyang, dan aku menunaikan zakat, dan aku puasa bulan Ramadan. Maka berkata Malaikat: Aku azab akan dikau dengan sebab bahawa engkau telah lalu suatu hari dengan orang yang dizalimi, yang memintak tolong ia akan dikau, maka tiada engkau menolong akan dia dan engkau sembahyang satu hari pada hal tiada engkau *istibra'* daripada kencing engkau. Maka nyatalah dengan khabar ini, bahawa menolong orang yang dizalimi itu wajib.

Tuan Minal tidak menyatakan matan bagi hadith di atas, dan penulis juga tidak menemui matan hadith

---

<sup>55</sup> Zainal Abidin al-Fatani, *Kashf al-Ghaybiyyah*, 32.

tersebut dalam kebanyakan kitab hadith samada *Sunan al-Sittah* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penulis menemui hadith yang hampir sama maksudnya yang menjelaskan kewajipan membantu orang yang dizalimi sebagaimana berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُسْعُودٍ رضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ أَنَّهُ قَالَ :  
أَمِّرْ بَعْدَ مِنْ عِبَادِ اللَّهِ أَنْ يُضْرِبَ فِي قَبْرِهِ مَائِةً جَلْدًا ، فَلَمْ  
يَزِلْ يَسْأَلُ وَيُدْعَوْ حَتَّىٰ صَارَتِ جَلْدَهُ وَاحِدَةً ، فَجُلِدَ جَلْدَهُ  
وَاحِدَةً ، فَامْتَلَأَ قَبْرُهُ عَلَيْهِ نَازِرًا ، فَلَمَّا ارْتَفَعَ عَنْهُ أَفَاقَ ، قَالَ :  
عَلَامُ جَلْدَتِي؟ فَقَيْلَ لَهُ : إِنَّكَ صَلَيْتَ صَلَاةً وَاحِدَةً بِغَيْرِ  
طَهُورٍ وَمَرَرْتَ عَلَىٰ مَظْلُومٍ فَلَمْ تَنْصُرْهُ .

Daripada 'Abd Allah Ibn Mas'ud r.a daripada Nabi s.a.w bersabda: Diperintahkan seseorang dalam kalangan hamba Allah SWT untuk dipukul dalam kubur sebanyak seratus rotan, mereka sentiasa ditanya dan diseru sehingga dikenakan pukulan, seterusnya ditambah pukulan lagi, maka memenuhi kuburan dengan api, apabila terlampaui panas maka tersedar ia, berkata ia kepada malaikat, kenapakah engkau memukul aku. Malaikat berkata: sesungguhnya engkau sembahyang namun tidak menjaga kebersihan, dan kamu melalui orang yang dizalimi tanpa menolongnya.<sup>56</sup>

<sup>56</sup> Berdasarkan pandangan al-Albāñī, hadith ini mempunyai sanad yang baik dan semua perawinya adalah *thiqqah* (dipercaya). Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albāñī, *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣāḥīḥah*, vol. 6 (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1996), 640.

Selain itu, terdapat hadith yang terdapat dalam *Şahîh al-Bukhârî* yang mengemukakan perbahasan yang hampir sama iaitu<sup>57</sup>,

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا قَالَ تَأْخُذُهُ فَوْقَ يَدِيهِ

Daripada Anas bin Mâlik r.a., katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Bantulah saudaramu yang zalim atau yang dizalimi, berkata para sahabat, wahai Rasulullah, kami tahu menolong orang yang dizalimi, maka bagaimana kami membantu orang yang berbuat zalim. Sabda Rasulullah, tahan tangannya daripada berbuat zalim.

Kenyataan di atas menjelaskan tentang kewajipan seorang Muslim untuk membantu saudara Muslim lain yang berada dalam kesusahan. Islam adalah sebuah agama yang menitik beratkan ikatan persaudaraan sesama Islam dan juga menggalakkan umatnya agar sentiasa mengamalkan sikap tolong menolong ke arah kebaikan dan ketaqwaan. Firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ  
وَالْعُدُونَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Terjemahan: Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebijakan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

Al-Maidah 5:2

<sup>57</sup> Al-Bukhârî, *Şahîh al-Bukhârî*, vol. 8, 312, "A'în Akhâka Zâliman aw Ma'zûman," no. hadith 2263.

Memandangkan membantu seseorang Muslim yang dizalimi merupakan suatu kewajipan, maka orang yang tidak membantu orang yang dizalimi akan mendapat balasan setimpal daripada Allah SWT. Al-Baydāwī mentafsirkan ayat di atas dengan menyatakan orang yang tidak menolong atas dasar kebaikan sebaliknya membiarkan kezaliman berlaku ke atas saudara seagamanya maka dia akan menerima azab yang pedih.<sup>58</sup>

### **Sebab Seseorang Diazab di Dalam Kubur dan Perkara Yang Boleh Menghindarkan Daripadanya**

Tuan Minal telah menukilkan perkataan daripada Abū Layth r.a, tentang beberapa perkara yang boleh menyebabkan seseorang diazab di dalam kubur dan juga perkara yang boleh menghindarkan seseorang dari azab kubur:

(Telah berkata Faqeh Abū Layth Raḥimahullāh Ta‘āla: Barang siapa yang berkehendak ia bahawa hendak melepaskan daripada azab kubur, maka atasnya bahawa melazim empat perkara, dan menjauhi ia akan empat perkara. Adapun empat perkara yang melazim ia akan dia itu, (maka pertama) memeliharkan sembahyang, (dan kedua) bersedekah, (dan ketiga) membaca al-Quran, (dan keempat) membanyakkan tasbih. Maka bahawasanya segala perkara ini menerangkan kubur dan meluaskan dia. Dan adapun empat perkara yang menjauhi ia akan dia itu, (pertama) dusta, (dan kedua) khianat, (dan ketiga) mengadu-ngadu, (dan keempat) tiada *istibra'* daripada kencing dan sesungguhnya telah bersabda Nabi S.a.W:

استنذهوا من البول فإن عامة عذاب القبر منه

---

<sup>58</sup> 'Abd Allāh Ibn 'Umar al-Baydāwī, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, vol. 2 (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1968), 46.

Terjemahan: Sucilah kamu daripada kencing,  
maka bahawasanya kebanyakan azab kubur itu  
daripadanya.<sup>59</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, manusia masih mempunyai peluang dan harapan untuk menghindarkan diri daripada azab kubur, namun ia memerlukan pengorbanan, mujahadah dan istiqamah serta sabar di atas segala ujian yang menimpa.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, terdapat empat perkara atau amalan yang mampu menghindarkan seseorang itu daripada azab kubur dengan izin Allah SWT. Namun amalan-amalan tersebut perlu dilakukan dengan penuh keikhlasan. Antaranya ialah solat fardu lima waktu sehari semalam. Solat ialah ibadah khusus yang difardukan ke atas setiap mukallaf yang berakal serta baligh. Solat juga merupakan amalan yang mula-mula akan dihisab di akhirat kelak. Ini disokong dengan pandangan Ibn Ḥajar al-Haythamī dalam kitab *al-Zawājir ʻan Iqtirāf al-Kabā’ir* yang mengatakan orang yang sentiasa memelihiha solatnya akan diangkat daripadanya azab kubur.<sup>60</sup>

Adapun sedekah yang dimaksudkan di sini ialah zakat, yang merupakan salah satu daripada Rukun Islam seperti solat fardu. Oleh sebab zakat merupakan suatu kewajipan untuk ditunaikan serta diberikan ganjaran pahala di sisi Allah SWT, maka begitulah sebaliknya dijanjikan dengan azab bagi orang yang tidak mengeluarkan zakat. Manakala al-Quran adalah untuk dibaca dan diamalkan serta dihayati untuk diambil pengajaran daripadanya. Maka dengan membaca al-Quran, memelihiha segala hukum tajwidnya serta mengamalkan isi kandungannya akan dapat meringankan azab kubur. Tasbih dan zikir juga mampu memberi syafaat

<sup>59</sup> Zainal Abidin al-Fatani, *Kashf al-Ghaybiyyah*, 29.

<sup>60</sup> Ahmad ibn Muḥammad ibn Ḥajar al-Haythamī, *al-Zawājir ʻan Iqtirāf al-Kabā’ir*, vol. 1 (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2002), 350.

kepada mayat yang berada di alam kubur dengan izin Allah SWT.

Al-Bukhārī meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās, suatu hari Rasulullah s.a.w. pernah mematahkan ranting kayu yang masih segar, dan menanamkannya di atas dua kuburan mayat yang sedang diazab, kemudian Baginda s.a.w. mendoakan semoga diringankan azab kedua-dua mayat tersebut, selama ranting kayu tersebut belum kering.<sup>61</sup> Pengajaran yang dapat diambil adalah, sekiranya tasbih dari sebatang ranting boleh meringankan azab mayat di dalam kubur, maka ganjaran lebih besar akan diperolehi jika tasbih itu datang daripada manusia.

Perkara tersebut mempunyai perkaitan dengan amalan talqin yang diamalkan oleh umat Islam hari ini. Shatā Abū Bakr bin Muḥammad dalam kitab *I‘ānat al-Tālibīn* menghukumkan sunat talqin bagi mayat orang dewasa sekalipun mati syahid.<sup>62</sup> Beliau berhujah berdasarkan firman Allah SWT:

وَذَكِّرْ فِي أَلْدِكْرِي تَنْقُعَ الْمُؤْمِنِينَ

Terjemahan: Berilah peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman.

Al-Dhāriyāt (51): 55

Shatā menjelaskan bahawa peringatan itu sangat memberi manfaat kepada orang beriman. Manakala mayat yang sedang berada di alam kubur lebih berhajat kepada peringatan tersebut. Ibn Ḥajar juga menghukumkan sunat talqin ke atas mayat yang dewasa, baligh, berakal dan

---

<sup>61</sup> Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, "Kitab al-Wudū", no. hadith 216, vol. 8, 312.

<sup>62</sup> Abū Bakr bin Muḥammad Shatā, *I‘ānah al-Tālibīn*, vol. 2 (Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 140.

mayat orang yang gila, tetapi sebelumnya berakal<sup>63</sup> berdasarkan hadith berikut<sup>64</sup>:

إذا مات أحد من إخوانكم فسويت التراب على قبره فليقم  
أحد على رأس قبره ثم ليقل يا فلان ابن فلانة فإنه يسمعه  
ثم يقول يا فلان ابن فلانة فإنه يستوي قاعدا ثم يقول يا  
فلان ابن فلانة فإنه يقول أرشدنا يرحمك الله ولكن لا  
تشعرون. فليقل اذكر ما خرجت عليه من الدنيا شهادة أن  
لا إله إلا الله وأن محمدا عبده ورسوله وإنك رضيت بالله  
وبالإسلام دينا وبمحمد نبيا وبالقرآن إماما. فإن منكرا  
ونكيرا يأخذ كل واحد منها بيد صاحبه

Terjemahan: Apabila salah seorang di antara saudaramu telah meninggal dan penguburannya telah kamu sempurnakan (ditutup dengan tanah), maka berdirilah salah seorang di penghujung kuburnya, dan berkatalah: Hai fulan bin fulanah maka dia boleh mendengarnya. Kemudian berkatalah hai fulan bin fulanah maka dia duduk dengan tegak. Berkatalah lagi hai fulan bin fulanah, maka dia berkata berilah saya petunjuk, semoga Allah memberi rahmat kepadamu. Akan tetapi kamu sekalian tidak mengerti. Seterusnya katakanlah kepadanya "ingatlah apa yang kamu pegangi sewaktu keluar dari

<sup>63</sup> Ahmad ibn Muhammad ibn Hajar al-Haythamī, *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharḥ al-Minhāj*, vol. 3 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 207.

<sup>64</sup> Muḥammad bin ‘Alī al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, vol. 4 (Damsyiq: Dār al-Nawādir li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2013), 139. Lihat al-Tabrānī, Sulaymān Ibn Ahmād, *al-Mu’jam al-Kabīr*, vol. 8 (Baghdād: Dār al-‘Arabiyyah li al-Tibā’ah, 1976), 298, no. hadith 7979.

alam dunia, yakni bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan Allah, dan bahawa kamu mengaku Allah sebagai Tuhan kamu, Islam sebagai agamamu, Muhammad sebagai nabimu dan al-Quran sebagai imammu. Maka sesungguhnya malaikat Munkar dan Nakir saling berpegangan tangan mereka berdua."

Daud al-Fatani turut menghukumkan sunat talqin kepada mayat yang dewasa, berakal dan baligh selain daripada nabi dan orang yang mati syahid.<sup>65</sup> Perbincangan di atas menunjukkan bahawa talqin hukumnya sunat, dan tiada hadith yang melarang daripada melakukan perkara tersebut.

Manakala empat perkara yang wajib dijauhi bagi menyelamatkan diri daripada azab kubur ialah dusta dan khianat di mana kedua-dua sifat ini merupakan tanda-tanda orang munafik. Sabda Rasulullah s.a.w<sup>66</sup>:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ  
الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا اُوْتَمَنَ  
خَانَ

Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah r.a daripada Nabi s.a.w. bersabda: Tanda-tanda munafiq ada tiga, apabila berkata-kata ia dusta, apabila berjanji tidak ditepati, dan apabila diberi amanah ia khianati.

<sup>65</sup> Daud bin ‘Abdullah al-Fatani, *al-Durr al-Thamīn* (Patani: Maṭba‘ah bin Ḥalabī, t.t.), 70.

<sup>66</sup> Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ li al-Bukhārī min Riwyah Abī Dhar al-Harawī*, vol. 1, no. Hadith, 334, "Bab ‘Alāmāt al-Munāfiq." (Saudi Arabia: Maktabah al-Mālik Fahd al-Waṭāniyyah, 2008), 59.

Menurut Ṣāliḥ Fawzān, nifaq berdasarkan hadith di atas adalah nifaq amali, dan orang yang mempunyai sifat-sifat tersebut masih seorang yang beriman. Namun begitu, ia boleh membawa kepada nifaq yang besar sekiranya tidak bertaubat.<sup>67</sup> Sekalipun mungkir janji itu salah satu daripada tanda munafiq, namun sekiranya terdapat sebarang perjanjian tertentu dengan sesiapa sahaja hatta orang kafir, maka tidak harus dimungkiri. Bahkan, sesuatu janji wajib ditunaikan walaupun terhadap orang kafir.<sup>68</sup>

Berhubung hadith di atas juga, Ibn Rajab menjelaskan bahawa munafiq terbahagi kepada dua bahagian. Pertama nifaq besar, iaitu seseorang yang menzahirkan keimanan kepada Allah SWT, malaikat, al-Quran, rasul-rasul dan hari kiamat, namun mengingkari kesemua aspek tersebut di dalam hatinya. Nifaq seperti inilah yang wujud pada zaman Nabi s.a.w. Kedua nifaq kecil, iaitu nifaq amalan, iaitu menzahirkan amalan sebagai seorang yang soleh, tetapi hakikat sebenar adalah sebaliknya.<sup>69</sup> Firman Allah SWT:

وَمِنْ حَوْلَكُمْ مِنَ الْأَعْرَابِ مُنَافِقُونَ وَمِنْ أَهْلِ  
الْمَدِينَةِ مَرْدُواً عَلَى النِّقَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ بَخْرُ نَعْلَمُهُمْ  
سَنُعَذِّبُهُمْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَى عَذَابٍ عَظِيمٍ

Terjemahan: Dan antara orang-orang yang di sekeliling kamu dari orang-orang A'rab ada yang bersifat munafik dan (demikian juga) sebahagian dari penduduk Madinah; mereka telah berkeras dengan sifat munafiq; engkau tidak mengetahui mereka (bahkan) Kamilah

<sup>67</sup> Ṣāliḥ Ibn Fawzan, *I'ānah al-Mustafid bi Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd*, vol. 1 (t.t.p.: Mu'assasah al-Risālah, 2002), 200.

<sup>68</sup> *Ibid.*, 39.

<sup>69</sup> Ibn Rajab, *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Hikām*, vol. 3 (Mansoura: Dār al-Ghad al-Jadīd, 2010), 47.

yang mengetahui mereka. Kami akan azabkan mereka berulang-ulang, kemudian mereka dikembalikan kepada azab yang besar.

Al-Tawbah 24: 101

Menerusi ayat ini Allah SWT menyebut sebanyak dua kali azab yang akan dikenakan kepada golongan munafik disebabkan kemunafikan mereka sebelum mereka dikembalikan kepada azab yang lebih besar.<sup>70</sup> Beberapa orang ulama tafsir seperti Ibn ‘Abbās, Ibn Jurayj, Muḥammad bin Ishāq, Qatādah dan Ḥasan al-Baṣrī menyebut salah satu daripada dua azab ini adalah azab kubur yang dikenakan terhadap mereka sebelum mereka dikenakan azab yang lebih berat iaitu azab neraka.<sup>71</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas bahawa golongan munafiq akan ditimpak azab di alam kubur terlebih dahulu sebelum menerima azab pada hari kiamat kelak. Selain dusta dan khianat, amalan lain seperti mengadu domba dan tidak bersuci dengan baik selepas membuang air kecil juga menjadi penyebab seseorang itu diazab di alam kubur. Ia sebagaimana hadith berikut:

عَنْ أَبْنَ عَبَّاسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
أَنَّهُ مَرَّ بِقَبْرَيْنِ يُعْذَبَانِ، فَقَالَ : إِنَّمَا لِيَعْذَبَانِ، وَمَا يَعْذَبَانِ  
فِي كَبِيرٍ، أَمَا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَسْتَبَرُ مِنَ الْبَوْلِ، وَأَمَا  
الْآخَرُ فَكَانَ يَعْشِي بِالنَّمِيمَةِ . ثُمَّ أَخَذَ حَرِيدَةً رَطِيَّةً فَشَقَّهَا  
بِيَصْنَعَيْنِ، ثُمَّ غَرَّزَ فِي كُلِّ قَبْرٍ وَاحِدَةً، فَقَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ،  
لَمْ صُنِعْتَ هَذَا ؟ فَقَالَ : لَعْلَهُ أَنْ يُخْفَفَ عَنْهُمَا مَا لَمْ يَبِسَا

<sup>70</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ah al-Fatāwā*, vol. 4, 163.

<sup>71</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, vol. 2, 385, Lihat juga Muḥammad bin Ja‘far al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, vol. 6 (Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1992), 457; al-Dhahabī, *Tazkirah al-Huffāz*, vol. 1, 92.

Terjemahan: Daripada Ibn Abbās r.a meriwayatkan daripada Nabi s.a.w, yang baginda melalui dua buah kubur yang sedang diazab. Lalu baginda bersabda: Sesungguhnya kedua-dua mayat ini sedang diazab dan bukanlah kedua-duanya itu diazab sebab dosa yang terlalu besar. Adapun salah seorangnya tidak bersuci daripada kencing dan yang seorang lagi kerana berjalan ke sana ke mari mengadu domba. Lalu baginda mengambil pelepas tamar yang basah dan dipatahkan kepada dua bahagian. (Sahabat) bertanya: Mengapa tuan berbuat demikian”? Baginda menjawab dan bersabda: “Mudah-mudahan diringankan azab kedua-dua mayat ini selama mana kedua pelepas ini belum kering.”<sup>72</sup>

Menurut Ibn Ḥajar, hadith di atas menunjukkan betapa Islam menuntut umatnya agar cermat dalam hal membuang air kecil. Hal ini kerana meskipun ia dianggap remeh oleh sesetengah pihak, tetapi boleh mengakibatkan seseorang mendapat azab di alam kubur. Justeru, banyak azab kubur yang berlaku adalah disebabkan tidak memelihara kebersihan selepas membuang air kecil.<sup>73</sup> Imām Nawāwī pula menyatakan mengadu domba dan tidak melakukan *istibra'* selepas membuang air kecil adalah termasuk di bawah kategori dosa besar.<sup>74</sup> Dua perkara ini perlu diambil perhatian oleh umat Islam, kerana ianya dilihat seperti perkara yang kecil dan remeh,

<sup>72</sup> Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 5, no. hadith 1257, “Kitab al-Janā’iz,” 148.

<sup>73</sup> Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar Ḥimad bin ‘Alī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 1 (Riyadh: Dār al-Tibā’ah, 2011), 341.

<sup>74</sup> Al-Nawāwī, Abū Zakariyā Maḥy al-Dīn Yaḥyā bin Sharīf, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 1 (Beirut: Dār al-Khayr, 1994), 189.

tetapi sebaliknya ia memberi kesan yang amat besar terhadap sesiapa yang mengabaikannya.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat diketahui bahawa orang yang beramal dengan salah satu daripada sifat di atas akan menerima azab di dalam kubur sebelum ditimpa azab yang sangat pedih di akhirat.

### Kesimpulan

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat difahami bahawa kekuatan hujah yang dikemukakan Tuan Minal berkaitan azab kubur dalam karyanya *Kashf al-Ghaybiyyah* berjaya membuktikan keabsahan persoalan tersebut. Kenyataan beliau yang disokong dengan dalil al-Quran, hadith dan pandangan ulama menguatkan lagi pembuktian tersebut. Pendirian beliau berkaitan azab kubur bertepatan dengan aliran akidah Ahl Sunnah wal Jamaah yang menthabit dan mengabsahkan azab kubur berdasarkan al-Quran dan hadith serta pandangan para ulama muktabar.

Terdapat beberapa isu azab kubur yang telah dibincangkan oleh dalam *Kashf al-Ghaybiyyāt* seperti dikembalikan roh kepada jasad, malaikat yang masuk ke dalam kubur sebelum Munkar dan Nakir, meratap ke atas mayat, meninggal dunia pada hari jumaat atau malamnya akan dipelihara daripada azab kubur, diperlihat kepada mayat ketika di alam kubur tempat tinggalnya di syurga atau neraka dan azab kerana tidak menolong orang yang dizalimi. Perbincangan tersebut berupaya menjawab segala kritikan golongan yang mempertikaikan azab kubur.

Meskipun terdapat beberapa hadith yang dikemukakan Tuan Minal tidak diketahui sumber dan statusnya, namun bukan bererti hadith tersebut perlu ditolak, bahkan ia turut didokong oleh ayat al-Quran dan beberapa hadith lain yang membenarkan kenyataan tersebut. Selain itu, sekiranya hadith tersebut dianggap daif, ulama Islam berpendapat harus penggunaannya dalam persoalan kelebihan sesuatu ibadat, dorongan janji

baik dan peringatan janji buruk melainkan berkaitan hukum halal dan haram.

## Rujukan

- 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Qāsim, *Hāshiyah Kitāb Tawhīd*, vol. 13. t.t.p.: Multaqā Ahl al-Ḥadīth, 1408H.
- Abū 'Awwāmah. *Ḥukm al-'Amal bi al-Hādīth al-Dā'i if Bayn al-Naẓariyyah wa al-Taṭbiq wa al-Da'wā*. Jeddah: Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī', 2017.
- Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn. *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, vol. 6. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1996.
- Al-Ashqar, 'Umar Sulaymān. *Yawm al-Akhīr, Qiyāmah al-Shughrā*. Jordan: Dār al-Nafā'is, 1995.
- Abū Ḥayyān, Muḥammad bin Yūsuf. *Bahr al-Muḥīṭ*, vol. 4. Riyadh: Maktabah wa Maṭābi' al-Nashr al-Ḥadīthah, t.t.
- Ahmad Fathy al-Fatani. *Ulama Besar dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- Al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar Aḥmad bin 'Alī. *Fath al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 1. Riyadh: Dār al-Tibā'ah, 2011.
- Al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar Aḥmad bin 'Alī. *Fath al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 1. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Baydāwī, 'Abd Allāh Ibn 'Umar. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, vol. 2. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī, 1968.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. *Saḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 5. Kaherah: Maktabah al-Jumhūriyyah al-'Arabiyyah, Matba'ah Muḥammad 'Alī Saḥīḥ wa Awlādih, t.t.
- Al-Dhahabī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad. *Tazkirah al-Huffāz*, vol. 1. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2002.

- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Durrah al-Fākhirah fī Kashf ‘Ulūm al-Ākhirah*. Beirut: Maktabah al-Thaqafiyah, t.t.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Iqtisād fī al-I’tiqād*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1988.
- Al-Haythamī, Nūr al-Dīn ‘Alī Ibn Abū Bakr. *Mawārid al-Zam’ān ilā Zawā’id Ibn Ḥibbān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Jazā’ irī, Abū Bakr. *Sakb al-‘Abarāt li al-Mawt wa al-Qabr wa al-Sakarāt*, vol. 3, Mesir: Maktabah Mu‘āz bin Jabal, 1999.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyā Muhy al-Dīn Yahyā bin Sharīf. *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 1. Beirut: Dār al-Khayr, 1994.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyā Muhy al-Dīn Yaḥya bin Sharf, *Riyād al-Ṣāliḥīn*, vol. 1. Kaherah: Maktabah al-Mawrīd, 2006.
- Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd ‘Allāh Muḥammad bin Aḥmad Ibn Abī Bakr. *Al-Tazkirah fī Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah*, vol. 1. Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj, 1995.
- Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd ‘Allāh Muḥammad bin Aḥmad Ibn Abī Bakr. *al-Jāmi‘ al-Āḥkām al-Qur’ān*, (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2006), j.18
- Al-Rāzī, Muḥammad Ibn Abū Bakr, *Mukhtaṣar al-Ṣīhah*. Beirut: Maktabah Lubnān, 1985.
- Al-Sammān. *Rātib ‘Abd al-Wahhāb, wa Yas’alūnaka ‘an al-Rūḥ Madkhal Ilā Naẓariyyah al-Rūhiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Shāfi‘ī, Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alān bin Ibrāhim. *Dalīl al-Fālihīn lī Turuq Riyād al-Ṣāliḥīn*, vol. 6. t.t.p.: t.p., t.t.
- Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī. *Nayl al-Awṭār*, vol. 4. Damsyiq: Dār al-Nawādir li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2013.

- Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Ja‘far. *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, vol. 6. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1992.
- Al-Ṭabrānī, Sulaymān Ibn Aḥmad. *al-Mu‘jam al-Kabīr*, vol. 8. Baghdād: Dār al-‘Arabiyyah li al-Ṭibā‘ah, 1976.
- Basri Ibrahim et al. *Memahami Ahli Sunnah wa al-Jamaah Berdasarkan Manhaj Asya`irah*. Selangor: Darul Syakir Enterprise, 2018.
- Che Zarrina Sa’ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim," *Jurnal AFKAR*, vol. 2 (2001), 62.
- Daud bin ‘Abdullah al-Fatani. *Al-Durr al-Thamīn*. Patani: Maṭba‘ah bin Ḥalabī, t.t.
- Faizuri Abd Latif. *Pemikiran Tuan Minal dalam Aqidah Ketuhanan: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najīn*. Tesis PhD. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.
- H. M. Bedjo Santoso, "Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya Terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa," dalam *Nadwah Ulama Nusantara III*, ed. Farid Mat Zain, et al. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Ibn Abī al-‘Izz al-Ḥanafī. *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Tahawiyah*. Mesir: Maktabah ‘Ibād al-Rahmān, 2008.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. *Al-Rūh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1975.
- Ibn Ḥajar al-Haythamī, Aḥmad bin Muḥammad. *Al-Fatāwā al-Hadīthiyah*. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1937.
- Ibn Ḥajar al-Haythamī, Aḥmad bin Muḥammad. *Al-Zawājir ‘an Iqtirāf al-Kabā’ir*, vol. 1. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2002.
- Ibn Ḥajar al-Haythamī, Aḥmad bin Muḥammad. *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharḥ al-Minhāj*, vol. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.

- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl Ibn 'Umar. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, vol. 2. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1983.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl Ibn 'Umar. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, vol. 8. Riyad: Dār Taybah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2009.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. *Kitāb al-Rūḥ*, vol. 1, ed. Al-Islāḥī, Muhammad Ajmal Ayyūb. Jeddah: Dār al-'Ilm al-Fawā'id li al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. *Roh*, terj. Kathur Suhardi. Jakarta: Pustaka al-Kauthar, 1999.
- Ibn Rajab. *Jāmi‘ al-'Ulūm wa al-Hikām*, vol. 3. Mansoura: Dār al-Ghad al-Jadīd, 2010.
- Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Ahmad. *Majmū‘ah al-Fatāwā*, vol. 4. Beirut: Dār al-Wafā', 2001.
- Khawaja Muhammad Islam. *Mati itu Spektakuler*. Jakarta: Pt Serambi Ilmu Semesta, 2001.
- Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Perak, "Minit Mesyuarat Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 161," Perkara 4.4.2.
- Mohd Zamberi A. Malik. *Patani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Muhammad Ibn Mukram. *Lisān al-'Arāb*, vol. 1. Beirut: Dār al-Šādir, 1994.
- Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj Ibn al-Qushayrī al-Naysabūrī. *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 17. Beirut: Dār al-Tayyibah, 2006.
- Nu'mān Abas. *al-Asy'ari Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*. Jakarta: Penerbit Erlangga, 2002.
- Nu'mān Ibn Mahmūd al-Alūsī. *Al-Āyāt al-Bayyināt fī 'Ādam Simā' al-Amwāt 'ind al-Hanāfiyah al-Sādāt*. Beirut: Maktabah al-Islām, 1402H.
- Qaḥṭān, 'Abd al-Rahmān al-Dūrī. *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Madhāhibuhā*. Oman: Dār al-'Ulūm li al-Nashr wa al-Tawzī', 2007.
- Şalih Ibn Fawzan. *I'ānah al-Mustafid bī Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd*, vol. 1. t.t.p.: Mu'assasah al-Risālah, 2002.

- Sayyid Sābiq. *'Aqīdah Islāmiyyah*, terj. Syaikh Mustafa Mansyur. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1988.
- Sayyid Sābiq. *Al-'Aqā'id Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, t.t.
- Shaṭā, Abū Bakr bin Muhammad. *I'ānah al-Tālibīn*, vol. 2. Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.
- Siti Nurul Hanim Mahd Nayai. "Azab Kubur Menurut al-Sunnah: Tumpuan kepada Hadith dalam Sahihayn." Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007.
- Syahrin Nasution. *Liku-Liku Perjalanan ke Alam Barzakh*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah, 1999.
- Umar Sulaimān al-Asyqar. *Ensiklopedia Kiamat dari Sakratulmaut hingga Syurga-Neraka*. Jakarta: Pt serambi Ilmu Semesta, 2002.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. *Ulama Dunia Melayu Yang Diperkenalkan dalam Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2007.
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil.57, Bil.16, No 1083.
- Zainal Abidin al-Fatani. *Kashf al-Ghaybiyyah*. Patani: Maṭba‘ah Bin Halābī, t.t.